

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1993/94

April 1994

HIS 402 Fiqh al-Mu'amalat: Hubungan Sesama Makhluk

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM TIGA [3] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan, dengan syarat SATU [1] soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C dan SATU [1] soalan lagi pilih daripada mana-mana Bahagian.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Bincangkan perkara-perkara di bawah dengan ringkas dan tepat. Jawapan perlu dikukuhkan dengan contoh-contoh atau hujah yang munasabah.
 - (a) Takrif al-Mu'amalat:
 - i. menurut bahasa
 - ii. menurut al-Qur'an
 - (b) Al-Mu'amalat dan hubungannya dengan kesejahteraan umat manusia.
 - (c) Prinsip Islam berhubung dengan al-Mu'amalat.
2. Surah al-An'am:151 dan al-Rum:21 memberi penekanan tentang hidup berkeluarga khusus mengenai hubungan antara ahli-ahlinya. Sila huraikan hubungan antara ahli keluarga seperti di bawah:
 - (a) Suami dan isteri.
 - (b) Ibu dan anak-anak.
 - (c) Bapa dan anak-anak.
 - (d) Anak-anak dan ibu bapa.

BAHAGIAN B

3. Prof. Datuk Dr. Ahmad Ibrahim dan Prof. Dzafir El-Qasimi membuat ulasan tentang Perlembagaan Madinah di dalam buku yang diberi nama Piagam Madinah Pandangan dan Ulasan. Merujuk kepada buku tersebut, nyatakan:
- (a) Bagaimanakah Rasul Allah s.a.w. menjalani usaha menyatupadukan ummah di Kota Madinah?
 - (b) Bagaimanakah cara yang Rasul Allah lakukan bagi mengekal keamanan dan mempertahankan kedaulatan Kota Madinah?
4. Beri huraian lengkap mengenai Fasal 25 yang terkandung di dalam Perlembagaan Madinah dan maksud sebenar menurut pandangan Islam berhubung dengan kebebasan beragama.

BAHAGIAN C

5. Jawab semua soalan di bawah:
- (a) Bilakah lafaz atau perkataan yang menunjukkan perintah menjadi sah di dalam kontrak jual beli?
 - (b) Nyatakan hukum bagi contoh-contoh berikut dan beri hujah anda bagi setiap hukum tersebut:
 - i. A berhutang kepada B. Ia menjual tanahnya kepada C untuk membayar hutangnya kepada B. A meminta B menuntut bayaran hutang tersebut daripada C.
 - ii. D membeli harta alih kepada E dan ia menjualnya sebelum harta itu diterima.
 - (c) Sebutkan syarat-syarat yang dipakai dan yang tidak dipakai di dalam kontrak jual beli.
 - (d) Bilakah seseorang penjamin itu terlepas dari jaminan?
 - (e) Nyatakan rukun gadaian dan syarat-syarat membuat kontrak gadaian.
 - (f) Jelaskan hukum umum bagi gadaian.

6. Jawab semua soalan berikut:

- (a) Jelaskan fakta yang berkaitan dengan sewa (al-ijarah) berbunyi: "Tamatnya sewa jika tujuan kontrak sewa menjadi mustahil".
- (b) Bilakah bayaran sewa dibuat dengan kadar berpatutan (ujrat al-mithli).
- (c) Apakah 'Ali boleh tinggal di rumah sewa yang kontraknya dilakukan ke atas salah sebuah daripada tiga buah rumah kepunyaan Muhammad? Bincangkan.
- (d) Beri takrif Amanah, Wadi'ah dan 'Ariah beserta contoh setiap satu.
- (e) Nyatakan hukum umum yang berkaitan dengan Amanah.
- (f) Nyatakan kontrak 'Ariah dan syarat-syaratnya.

-oooOOoooo-